

20/07/1998

Penawar IMF tidak jamin pemulihan ekonomi

Azizi Othman in London

BERASASKAN kepada perkembangan serta pelbagai dasar yang diambil kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi, penganalisis di Eropah tidak menolak kemungkinan perlunya Malaysia meminjam daripada IMF. Bezanya, sekali pun Malaysia meminta bantuan daripada IMF, mereka berpendapat kesan yang mungkin timbul tidak boleh disamakan dengan negara lain yang pernah berbuat demikian. Bagi mereka, Malaysia wajar memohon pinjaman untuk mengelak keadaan ekonomi bertambah buruk.

Mereka meyakinkan Malaysia tidak akan menerima kesan yang begitu buruk kerana negara ini sendiri sudah mengambil pelbagai langkah pembedahan. Apa yang diperlukan daripada institusi pelbagai hala itu hanyalah penyudah kepada usaha membajai pertumbuhan semula ekonomi. Kita tidak pasti sejauh mana keikhlasan penganalisis di Eropah itu membuat andaian sedemikian. Apakah ia sebagai kenyataan untuk memerangkap atau sebaliknya.

Namun, tanpa menolak mentah-mentah pendapat mereka, sesuatu yang perlu difahami terlebih dulu ialah sejauh mana IMF sanggup merumuskan satu pakej eksklusif untuk Malaysia menangani kegawatan itu kerana sehingga kini, apa yang jelas ialah institusi Bretton Woods itu seolah-oleh cuba menggunakan 'rumusan yang sama' dalam menangani permasalahan di negara yang berbeza dari segi politik, sosial dan ekonominya. Akibatnya, bantuan yang diberikan sering ditempelak manakala hasilnya pula tidak seberapa. Masalah yang dihadapi tidak selesai sedangkan negara yang dibantu tertakluk kepada pelbagai syarat yang ketat.

Meneliti bagaimana terjadinya perkara itu, kita tidak boleh lari daripada mempersoalkan kemampuan dan kewibawaan IMF dalam menangani kegawatan ekonomi semasa. Ini kerana kebocoran kepada ekonomi dunia yang berlaku di Thailand genap setahun minggu lalu, kini bertukar menjadi banjir yang ganas. Kepantasan IMF bertindak sebagai 'tukang paip' mungkin patut dipuji tetapi apa gunanya jika spanar dan playar yang digunakan membaiki paip bocor terus digunakan untuk mengekang banjir yang semakin hebat.

Setahun lalu, ketika spekulator mata wang menyerang sehingga ekonomi Thailand runtuh, ibu pejabat IMF di Washington DC menyifatkannya sebagai badai yang akan surut bila-bila masa. Kononnya, ia berpunca daripada kesan globalisasi, pasaran bebas dan pengurusan ekonomi pasca perang dingin. Kini, selepas setahun berlalu, ramai mula sedar IMF perlu menilai semula fungsinya. Krisis di Thailand sudah menular ke Indonesia, Filipina, Malaysia, Korea, Jepun, Australia, New Zealand, Russia, Afrika Selatan malah Brunei. Mangsa seterusnya masih menjadi tanda tanya.

Akibatnya, IMF kini dikecam dari kanan, kiri, depan dan belakang. Diketuai pakar ekonomi Milton Friedman, IMF dituduh sebagai tukang sibuk.

"Di sebalik memulihkan keadaan, ia bertindak lebih kepada campur tangan dalam pasaran terbuka dan menghalang ekonomi daripada pulih dengan sendiri," katanya.

Pakar ekonomi Universiti Harvard, Jeffrey Sachs dalam kertas kerjanya The IMF And Asian Flu pula menerajui bantahan daripada kalangan pakar ekonomi arus perdana.

"Dalam menangani isu penutupan bank di Indonesia, IMF menjerit-jerit kononnya kebangkrapan akan berlaku dan mencetuskan huru-hara di seluruh dunia," katanya.

Di kalangan negarawan dan pemimpin, IMF turut dikritik. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, umpamanya mempertikaikan campur tangan IMF

yang hanya menyebabkan kejatuhan lebih parah mata wang Asia. Ia menjadikan aset di Timur lebih murah dan mudah diperkotak-katikkan oleh sektor swasta di Barat yang membelinya pada harga sekadar `sekupang dua'. IMF bagaimanapun membantah. Pengarah Urusannya, Michel Camdessus berkata: "Semua pakej bantuan yang diberi bukanlah sama seperti tradisi kuno IMF yang berteraskan kempen penjimatan. Sebaliknya, ia diatur berdasarkan pendekatan reformasi struktural ke arah mengembalikan keyakinan."

Bagaimanapun, pendapat demikian bukanlah dipersetujui semua. Malah, Ketua Pakar Ekonomi Bank Dunia, Joseph Stiglitz dalam akhbar Wall Street Journal secara terang-terang membantah pendekatan itu kerana:

"Kita tidak sepatutnya menolak negara ini ke kancuh kemelesetan menerusi kempen berjimat. Kita harus memberi tumpuan kepada punca yang mencetuskan krisis, bukannya menyukarkan usaha memperbaiki keadaan."

IMF yang sememangnya `bertelinga nipis` membidas pendapat itu. Camdessus mempertahankan langkahnya menaikkan kadar faedah kerana berpendapat "penggunaan langkah yang melemahkan ekonomi tidak akan mengembalikan keyakinan".

Ledakan IMF itu difahami. Ini kerana selama ini ia tidak pernah dikritik. Kebongaannya pula ialah kerana ia kononnya adalah entiti paling cekap dan mempunyai pakar ekonomi terbaik dunia. Ditubuhkan hasil Persidangan Bretton Woods di New Hampshire pada 1944, fungsi IMF pada awalnya amat kecil - menjadi bank pusat sejagat dan peminjam terakhir untuk negara anggota. Kebanyakan pelanggannya ialah negara maju yang mempunyai sistem teratur seperti Britain dan Amerika Syarikat manakala kadar tukaran asing yang tetap ketika itu mempermudah lagi pengawasan. Itulah sebabnya ia berpendirian bahawa sesebuah ekonomi tidak banyak berbeza dengan yang lain dan dengan itu dapat membetulkan keadaan yang tidak stabil menerusi penggunaan pendekatan model ekonomi neo-liberal.

Bagaimanapun, hakikatnya `zaman mudah' IMF itu sudah tamat pada 1972 apabila Presiden Nixon membuat keputusan memisahkan pergantungan dolar Amerika daripada nilai emas komoditi. Dunia baru kini sebenarnya berbeza kerana tamatnya era kadar tukaran asing yang tetap mengundang kedatangan peniaga spesies baru yang bernama `spekulator' - pengambil kesempatan daripada kelemahan sistem urus niaga mata wang sejagat. Peka dengan hakikat itu, dunia mula mempertikaikan perlunya kewujudan IMF. Namun, semuanya berubah pada 1992.

Apabila kerajaan Mexico pada tahun itu mula culas membayar pinjamannya kepada pelbagai bank swasta di Amerika Latin, ia mengancam kestabilan sistem perbankan Barat. Akibatnya IMF dipaksa campur tangan sebagai peminjam terakhir yang memang sejajar dengan fungsinya, sekali gus mendapat pelanggan baru - negara membangun di seluruh dunia. Di sebalik memberi pinjaman jangka pendek yang bersifat sementara, IMF kini memasuki pasaran untuk pinjaman jangka panjang kepada banyak negara.

Keruntuhan tembok Berlin dan pembubaran empayar komunis Soviet kemudiannya mewujudkan lebih 20 pelanggan baru kepada IMF. Ketika itu, di sebalik doktrin berjimat cermatnya, bilangan kakitangan IMF meningkat, saiz bangunan ibu pejabatnya ditambah sekali ganda manakala belanjawannya melambung kepada AS\$507 juta pada tahun kewangan semasa. Malangnya, kreativiti IMF tidak berkembang sejajar saiznya. Operasinya masih terlalu berahsia, khidmat nasihat yang diberikan kepada kerajaan masih secara sulit dan tumpuan reformasi ekonomi makronya tetap bertumpu kepada defisit fiskal, dasar kewangan serta inflasi.

Sebenarnya, sebelum IMF mula campur tangan di Asia lagi, ia sudah dikritik hebat. Robert Wade dan Frank Venerosso dalam kertas kerja The East Asia Crash and The Wall Street-IMF Complex memberi amaran bahawa ekonomi Asia amat berbeza dengan yang biasa diuruskan oleh IMF.

"Perbezaan ini menyebabkan pakej jimat cermat dan liberalisasi kewangan

IMF akan mempunyai harga yang tinggi tetapi manfaat yang kecil di Asia," kata dua tokoh itu.

Kelewatan hasil pakej IMF di Thailand, Indonesia dan Korea adalah manifestasi kegagalan impak pendekatan yang digunakan dan bukti ia tidak sesuai digunakan dalam menangani kegawatan ekonomi Asia.

Menyedari sikap stereotaip IMF ini, Malaysia perlu peka bahawa jika ia memerlukan bantuan daripada institusi itu, ia mestilah dibuat dengan pendekatan baru yang berbeza daripada sedia ada.

Perkembangan semasa membuktikan ubat yang ada dalam simpanan IMF bukan saja tidak berkesan menangani penyakit ekonomi yang melanda, malah boleh menambah buruk lagi keadaan. Kita tahu tiada salahnya mencari penawar jika ditimpa penyakit tetapi biarlah daripada doktor yang tahu rumusan yang mujarab. Selagi belum pasti, biarlah kita berusaha menyembuhkannya sendiri.

(END)